



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Dr Mohd Yahya Mohd Ariffin

Perancangan latihan industri

Institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini mewajibkan pelajar menjalani latihan industri (LI) dengan tujuan memberi peluang menimba ilmu dan pengalaman kerja sebelum layak menerima diploma atau ijazah masing-masing.

Selain itu, LI dapat membuka peluang kepada pelajar untuk bergaul dan membina rangkaian komunikasi dengan pihak industri serta mengenali dunia luar yang penuh cabaran dengan lebih dekat. Pendedahan secara praktikal ini menjadi bekal penting apabila memasuki alam pekerjaan.

Lazimnya, pelajar yang mempunyai pengalaman mengikuti LI di mana-mana organisasi mungkin akan mendapat kelebihan semasa memohon pekerjaan. Hal ini demikian kerana majikan khususnya dalam sektor swasta melihat kepada pengalaman kerja yang berkaitan bidang yang dipohon oleh calon untuk ditawarkan kerja.

Penulis mempunyai beberapa pelajar yang terus ditawarkan kerja oleh organisasi yang sama sejourus menamatkan tempoh menjalani LI mereka.

Latihan industri yang diwajibkan IPT bertujuan mendedahkan pelajar kepada persekitaran kerja sebenar

yang ada kaitan dengan program pengajian masing-masing.

Selain itu, ia memberi peluang kepada pelajar mempertingkatkan pengetahuan dan memperoleh pengalaman bekerja di industri atau organisasi berkaitan.

Menerusi LI, pelajar berpeluang berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan selain memupuk semangat bekerja secara berkumpulan dengan staf organisasi berkenaan.

Seperkara yang harus diberi perhatian ialah LI merupakan landasan bagi pelajar membawa nama IPT masing-masing untuk dinilai oleh industri.

Jika baik amalan dan tugas yang dilakukan pelajar semasa LI, maka positiflah persepsi industri terhadap

pelajar dan IPT yang diwakili atau sebaliknya.

Perancangan awal

Penting buat pelajar memberi perhatian kepada LI dengan membuat perancangan awal sewajarnya supaya mendapat manfaat maksimum daripada latihan tersebut.

Sehubungan itu, sebelum menjalani LI para pelajar perlu memberi perhatian kepada beberapa perkara berikut.

1. Kenal pasti bidang kerjaya yang diminati. Kemudian, pilih organisasi bersesuaian dengan kerjaya yang diminati supaya anda mendapat faedah maksimum daripada LI.

2. Berbincang dengan pensyarah, keluarga atau rakan senior bagi mendapatkan pandangan dan nasihat mereka menge-

nai tempat LI (organisasi) yang mungkin sesuai dengan minat anda.

3. Hubungi kenalan atau rakan seramai mungkin yang bekerja sama ada dalam sektor awam atau swasta. Mungkin mereka boleh membantu dalam mendapatkan tempat LI.

4. Anda harus menghadiri ekspo atau ceramah kerjaya dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi mendapatkan maklumat mengenai organisasi atau bidang yang diminati.

5. Buat penyelidikan mengenai organisasi yang berpotensi daripada segi budaya kerja dan reputasi syarikat. Elakkan memilih sesebuah organisasi hanya kerana ia berhampiran dengan tempat tinggal keluarga. Mungkin organi-

sasi yang dipilih itu tidak banyak memberi manfaat daripada segi ilmu yang dipelajari serta pengalaman yang diperoleh.

6. Pastikan bahawa LI satu daripada kursus yang menjadi syarat pengijazahan yang ditetapkan oleh IPT anda.

7. Sebelum menjalani LI, dapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada pihak organisasi selain bidang tugas anda jika dipilih menjalani LI di situ.

8. Sebagai persediaan, cuba hubungi beberapa organisasi yang berpotensi sebagai tempat LI anda lebih awal. Hal itu, bertujuan mengelak daripada membuat keputusan terburu-buru pada saat akhir. Akibatnya, mungkin anda hanya mendapat tempat LI yang tidak bersesuaian dengan program pengajian yang diikuti.

9. Jika ada peluang dan ruang, pilihlah tempat LI di luar negara. Memilih tempat di luar negara untuk LI adalah satu peluang yang sangat baik dan perlu diambil oleh pelajar bagi mendapatkan pendedahan di sana. Bukan mudah untuk mendapat

peluang seperti ini. Mungkin ada IPT mempunyai peruntukan untuk membiayai pelajar.

Hasil daripada LI

Buatlah yang terbaik kerana akhirnya anda akan dinilai berdasarkan laporan penilaian penyelia industri dan penyelia akademik, laporan akhir latihan industri, buku kehadiran serta pembentangan pelajar bagi mendapatkan gred akhir.

Menerusi LI, IPT menjangkakan pelajar mampu mempraktikkan ilmu akademik yang dipelajari di kampus masing-masing apabila bekerja.

Mereka juga dapat memahami fungsi dan peranan organisasi termasuk tanggungjawab pekerja mengikut jawatan yang disandang, budaya kerja selain persekitaran sesebuah organisasi.

Pelajar juga mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelbagai pihak selain berkeupayaan menjalankan tugas secara berkumpulan dengan berkesan.

Selain itu, mereka dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik termasuk beretika, berintergriti, berkeyakinan, berkebolehan dalam memberi pandangan, berinovatif serta mampu menyelesaikan masalah secara profesional.